

D356

R B873 DEB
MAHATHIR - BOM R R R

1985

ALOR SETAR, 9 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BELUM MENERIMA LAPORAN MENGENAI LETUPAN BOM DI SABAH BARU-BARU INI YANG DIKATAKAN BERMOTIF POLITIK.

+ SETAKAT YANG SAYA TAHU, KERAJAAN DAN PASUKAN KESELAMATAN SEDANG MENYIASATINYA, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI KEDIAMANNYA, DI TITI GAJAH DEKAT SINI SEBELUM BERLEPAS KE IBUNEGARA HARI INI.

KETIKA MENGULAS KENYATAAN KETUA MENTERI SABAH, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN BAHAWA LETUPAN BOM ITU BERMOTIF POLITIK, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MENERIMA MAKLUMAT ITU.

WALAU APAPUN MOTIFNYA, KERAJAAN TETAP MENGANGGAPNYA SEBAGAI SUATU PERBUATAN YANG HARUS DIKUTUK, KATANYA.

+ KERAJAAN KESAL TERHADAP KEJADIAN ITU KERANA IA MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG-ORANG AWAM+ UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI MENGULAS BUAT PERTAMA KALINYA MENGENAI KEJADIAN DI SABAH ITU. -- LAGI.

1408MST 09 06 85

MAHATHIR - BOM 2 ALOR SETAR R R R

SETAKAT INI KERAJAAN BELUM DAPAT MENENTUKAN MOTIF LETUPAN ITU, KATANYA SAMBIL MENAMBAH, +KITA PERLU BUKTI YANG NYATA UNTUK MENGATAKANNYA BERMOTIF POLITIK ATAU MOTIF LAIN.+

DATUK PAIRIN KETIKA KEMBALI KE KOTA KINABALU SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS PERASMIAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN DI KUALA LUMPUR SEMALAM BERKATA, POLIS MENGESAHKAN KEJADIAN LETUPAN BOM DI SABAH 11 HARI LALU BERMOTIF POLITIK.

MENGENAI KEMASUKAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) KE DALAM BARISAN NASIONAL (BN, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSA BN BERKATA, PENERIMAAN PBS TETAP BERGANTUNG KEPADA SAMA ADA PARTI ITU TIDAK BERSIFAT PERKAUMAN.

+APA YANG SAYA NYATAKAN DALAM SEBUAH MAJALAH MINGGUAN (ASIA WEEK) ADALAH JELAS. BERAPA LAMA BN INGIN MEMERHATI TINGKAH-LAKU PBS UNTUK MEMASTIKAN SAMA ADA IA TIDAK BERSIFAT PERKAUMAN ADALAH BERGANTUNG KEPADA KEADAAN, + JELASNYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK MENGULAS LEBIH LANJUT MENGENAI ISU ITU, DAN ENGGAN MENJELASKAN BILA BN AKAN BERSIDANG UNTUK MEMBINCANGKAN PERMOHONAN PBS DAN ISU SEMASA YANG LAIN. -- LAGI.

1415MST 09 06 85

U B877 DEB
MAHATHIR - BOM 3 ALOR SETAR R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU TIDAK BERCADANG MELAWAT PERLIS PADA 6 JULAI SEBAGAIMANA YANG DILAPORKAN OLEH AKHBAR BARU-BARU INI.

LAPORAN AKHBAR ITU MENYEBUT BAHAWA PERDANA MENTERI AKAN MELAWAT PERLIS UNTUK MENYELESAIKAN KEKECOHAN YANG BERLAKU DALAM UMNO BAHAGIAN ARAU DALAM PERSIDANGAN PERWAKILAN BAHAGIAN ITU PADA 18 MEI LALU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH BERADA DI SINI UNTUK MENGHADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA DAN NUZUL QURAN DI KAWASAN PILIHANRAYANYA DI KAMPUNG PADANG GELAM PASIR, DEKAT JITRA SEMALAM. -- BERNAMA.

1419MST 09 06 85